

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 4 (8)
Tarikh : 17 Januari 2023

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 1/2023

GARIS PANDUAN AMALAN BAIK: PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERDASARKAN PENGALAMAN TERDAHULU BAGI TUJUAN KEMASUKAN (APEL.A) DAN PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERDASARKAN PENGALAMAN TERDAHULU UNTUK MICRO-CREDENTIALS (APEL.M)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerbitkan Garis Panduan Amalan Baik: Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Kemasukan (APEL.A) (GGP APEL.A) Edisi Pertama pada tahun 2011 dan penguatkuasaanya dilaksanakan secara berperingkat bermula 1 September 2011.

3. Bagi menyokong agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), MQA telah membuat penambahbaikan terhadap GGP: APEL.A dan membangunkan garis panduan baharu berkenaan dengan Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu untuk Micro-credentials (APEL.M) sebagai rujukan kepada pemberi pendidikan tinggi (PPT) bagi tujuan kemasukan untuk pengambilan pelajar. Penerbitan kedua-dua garis panduan ini telah digabungkan dalam satu dokumen iaitu Garis Panduan Amalan Baik: Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Kemasukan (APEL.A) dan Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu untuk Micro-Credentials (APEL.M) [(GGP: APEL.A dan APEL.M)].

4. Tujuan utama penerbitan dokumen GGP: APEL.A dan APEL.M adalah untuk:

- (i) menilai semula dan menambah baik dasar dan mekanisme penilaian yang telah ditetapkan agar sejajar dengan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) Edisi Kedua dan keperluan pendidikan tinggi semasa;
- (ii) menyediakan panduan yang komprehensif kepada semua pihak yang terlibat dalam menjalankan dan melalui proses penilaian APEL.A;

- (iii) menambah kriteria kemasukan APEL.A bagi tahap Diploma Lanjutan (Tahap 5, KKM), Diploma Siswazah dan Sijil Siswazah (Tahap 6, KKM), Sarjana secara Penyelidikan (Tahap 7, KKM) dan Ijazah Kedoktoran secara Kerja Kursus, Campuran dan Penyelidikan (Tahap 8, KKM);
- (iv) memperkenalkan APEL.M yang sejajar dengan pengenalan *Micro-credentials* sebagai salah satu usaha menyokong fleksibiliti dalam pengajian pendidikan tinggi;
- (v) menambah kriteria kemasukan untuk pengambilan pelajar antarabangsa melalui APEL.A dan APEL.M;
- (vi) menambah baik dasar dan mekanisme penilaian yang sedia ada berdasarkan maklum balas pihak berkepentingan; dan
- (vii) memberi panduan yang lebih jelas kepada semua pihak berkepentingan yang terdiri daripada panel penilai APEL.A, pegawai MQA, pemberi pendidikan tinggi (PPT) dan pelajar yang terlibat dalam APEL.A.

5. GGP:APEL.A dan APEL.M boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, www.mqa.gov.my.

6. Pelaksanaan terhadap GGP:APEL.A dan APEL.M akan berkuat kuasa pada **1 Mac 2023**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaya
Aras 9, Bangunan Canseleri
50603 W.P KUALA LUMPUR

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Aras 6, Bangunan Canselori
43600 BANGI SELANGOR
9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
50728 KUALA LUMPUR
10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar
International Medical University (IMU)
No. 126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
11. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN
12. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
13. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR
14. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH

15. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK